



Ref. No: MRK 1

**ICONISHS 2023**  
**INTERNATIONAL COMPETITION AND EXHIBITION**  
**OF RESEARCH AND INNOVATION**  
**ON ISLAMIC STUDIES AND HUMAN SCIENCES**

AbdulHamid AbuSulayman Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge  
and Human Sciences, IIUM  
Faculty of Islamic Studies, Sultan Azlan Shah University (USAS)

25<sup>th</sup> JULY 2023



# **Surah Yūsuf Dari Lensa Dakwah dan Pendidikan: Kajian Analitikal**

**Dibentangkan oleh:**

**Dr. Fatimah Karim & Dr. Hassan Suleiman**



## Pendahuluan:

- Surah Yusuf diturunkan di Mekah dan mengandungi 111 ayat. Surah ini dinamakan surah “Yusuf” kerana kisah Nabi Yusuf merangkumi hampir keseluruhan surah ini (dari ayat 4 hingga ayat 101).
- Bagi sesiapa yang menghayati kisah Nabi Yusuf AS, maka akan mendapati bahawa Nabi Yusuf telah hidup dalam banyak kisah dan peristiwa bersama individu-individu yang berbeza dalam episod yang berbeza, antaranya: kisah Baginda bersama adik beradiknya yang bersifat hasad dengki lalu membuat rencana dan mencampaknya ke dalam telaga, kemudian kisah Baginda bersama Zulaikha isteri Raja Mesir yang menggodanya, juga kisah Baginda berada di dalam penjara dan kebolehannya mentafsir mimpi, seterusnya kisah Baginda dilantik menjadi bendaharawan Mesir, dan di akhiri dengan episod di mana Baginda AS dapat berjumpa semula dengan ayahnya Nabi Ya’kub setelah terpisah untuk sekian lama.



### **Metode penyelidikan dan permasalahan:**

- Penyelidik menggunakan pendekatan ataupun metode kajian secara deskriptif dan juga analitikal melalui manifestasi permasalahan kajian untuk mengekstrak cara pendekatan dakwah dan tarbiyah dari ayat-ayat dalam surah Yusuf.

### **Objektif Kajian:**

- Menerangkan tentang tujuan utama surah Yusuf diturunkan, cara membentuk dan membina keperibadian yang mulia, dan menjelaskan aspek-aspek terpenting dalam dakwah dan tarbiyah yang dapat diambil dari surah ini.



Ref. No: MRK 1

# ICONISHS 2023

## INTERNATIONAL COMPETITION AND EXHIBITION OF RESEARCH AND INNOVATION ON ISLAMIC STUDIES AND HUMAN SCIENCES

Abdul Hamid Abu Sulayman Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge  
and Human Sciences, IIUM  
Faculty of Islamic Studies, Sultan Azlan Shah University (USAS)

25<sup>th</sup> JULY 2023



### **Tujuan Surah Yusuf diturunkan:**

- Surah Yusuf diturunkan dengan tujuan memberi semangat kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang menghadapi ujian penentangan keras dari kaum kafir musyrik, dan pemergian dua insan tercinta iaitu isterinya Khadijah dan bapa saudaranya Abi Thalib bin Abdul Muthalib.
- Oleh yang demikian Allah menceritakan kepada Baginda Muhammad SAW kisah Nabi Yusuf AS yang telah mengalami berbagai bentuk penderitaan dan ujian (bermula dari kisahnya bersama saudara-saudaranya, kemudian di rumah Raja, setelah itu di penjara, dan cacian wanita-wanita di bandar Mesir terhadapnya, sehinggalah Allah SWT menyelamatkannya dari ujian dan kesusahan ini), disebabkan kesabaran Nabi Yusuf, kejujurannya, dan imannya yang teguh kepada Allah.



**Antara sudut terpenting dalam dakwah dan tarbiyah dari surah Yusuf seperti berikut:**

**1) Kepentingan memahami Bahasa Arab**

Sebagaimana firman Allah pada permulaan Surah Yusuf:

﴿إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ﴾

Sesungguhnya Kami menurunkan kitab itu sebagai Quran yang dibaca dengan **bahasa Arab**, supaya kamu (menggunakan akal untuk) memahaminya. (Yusuf :2)

- Hal ini demikian kerana intisari kandungan Surah Yusuf adalah untuk menerangkan kebenaran Al-Quran dan menegaskan bahawa Al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab untuk dibaca, difahami, diamalkan perintah-perintahnya, dan disampaikan kepada seluruh umat manusia.



## 2) Keburukan sifat hasad dan dengki

- Sifat hasad dan dengki mewarisi permusuhan dan kebencian antara manusia, bahkan dalam kalangan kaum keluarga. Oleh itu, Nabi Ya'qub AS menasihati anaknya Yusuf agar tidak memberitahu abang-abangnya perihal mimpinya, kerana dikhuatiri mereka akan iri dan dengki terhadapnya.

﴿ يَا بُنَيَّ لَا تَقْصُصْ رُؤْيَاكَ عَلَىٰ إِخْوَتِكَ فَيَكِيدُوا لَكَ كَيْدًا إِنَّ الشَّيْطَانَ لِلْإِنْسَانِ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴾

Wahai anakku, janganlah kamu ceritakan mimpimu itu kepada abang-abangmu, supaya mereka tidak melakukan tipu daya terhadapmu, sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagi manusia. (Yusuf: 5)

- Daripada ayat tersebut, Nabi Ya'qub menggabungkan di antara larangan, sebab kepada larangan itu, dan juga bimbingan.
- Tetapi apa yang dibimbangi oleh ayahnya itu telah berlaku. Saudara-saudara Yusuf telah membawanya ke tempat yang jauh dan membuangnya ke dalam telaga.



### 3) Keburukan berdusta dan menipu

- Berdusta merupakan asas kepada kemunafikan dan sifat yang buruk, serta faktor yang menjerumuskan diri kepada larangan Allah SWT.

﴿قَالُوا يَا أَبَانَا إِنَّا ذَهَبْنَا نَسْتَبِقُ وَتَرَكْنَا يُوسُفَ عِنْدَ مَتَاعِنَا فَأَكَلَهُ الذِّئْبُ وَمَا أَنْتَ بِمُؤْمِنٍ لَنَا وَلَوْ كُنَّا صَادِقِينَ \* وَجَاءُوا عَلَى قَمِيصِهِ بِدَمٍ كَذِبٍ قَالَ بَلْ سَوَّلَتْ لَكُمْ أَنْفُسُكُمْ أَمْرًا فَصَبْرٌ جَمِيلٌ وَاللَّهُ الْمُسْتَعَانُ عَلَى مَا تَصِفُونَ﴾

Saudara Yusuf berkata, Wahai ayah! Sesungguhnya kami telah pergi berlumba dan berburu, dan kami telah tinggalkan Yusuf untuk menjaga barang-barang kami, lalu ia dimakan oleh serigala...". (Yusuf: 17)

- Antara aspek tarbiyah yang lain yang boleh didapati dari surah ini adalah ucapan Ya'qub AS “Maka bersabarlah sebaiknya”. Oleh itu setiap mukmin yang ditimpa musibah hendaklah bersabar, menahan diri dari kegelisahan, kerana Allah memberikan pahala yang besar untuk mereka yang bersabar dalam kesusahan dan ujian .
- Selain itu, antara aspek tarbiyah adalah pada kata-kata Nabi Ya'qub AS: “Allah jualah yang dipohonkan pertolonganNya, mengenai apa yang kamu katakan itu”. Ini bermaksud menyerahkan urusan hanya kepada Allah dan bertawakal kepadaNya adalah dituntut dalam semua urusan dunia dan akhirat.



**4) Membina diri (dengan keperibadian dan akhlak yang mulia) yang mampu menjadi contoh ikutan dan tauladan yang baik.**

Nabi Allah, Ya'qub AS berkata kepada anaknya Yusuf AS. Dan demikianlah cara Tuhanmu memilihmu, dan akan mengajarmu tafsir mimpi, serta akan menyempurnakan nikmatNya kepadamu dan kepada keluarga Ya'kub, sebagaimana Ia telah menyempurnakannya kepada datuk nenekmu dahulu: Ibrahim dan Ishak. Sesungguhnya Tuhanmu Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana" (Yusuf: 6).





## 5) Pengulangan perkataan baju (قميص) dalam surah Yusuf:

- Perkataan 'baju' diulang sebanyak 6 kali dalam surah Yusuf. Ini menunjukkan bahawa baju Nabi Yusuf mempunyai peranan penting dalam kisah ini iaitu sebagai “bahan bukti” dalam tiga perkara:

Pertama: **Bukti palsu**. Mereka menggunakan baju yang berlumuran darah sebagai bukti untuk menjelaskan bahawa serigala telah memakan Yusuf, namun baju yang tidak koyak membuktikan pembohongan saudara-saudaranya.

Kedua: Perkataan baju digunakan sebagai **bukti Yusuf tidak bersalah** kerana bajunya terkoyak dari arah belakang, lantas menzahirkan bahaya tipu daya wanita.

Ketiga: Baju digunakan sebagai **bukti yang benar untuk menunjukkan bahawa Yusuf masih hidup**. Ia dianggap sebagai bukti yang kukuh kerana terdapat bau Yusuf pada baju tersebut.



## 6) Penyebaran berita yang pantas dan mengesahkan kesahihannya

- Pada era moden kini, kita dapat perhatikan bahawa agensi berita, sebaik sahaja menerima sesuatu berita, mereka menyebarkannya dalam media sosial dengan segera, setelah mengesahkan kesahihan berita tersebut. Hal ini demikian seperti berita tergepar yang tersebar dengan pantas bahawa isteri al Aziz berkeinginan terhadap hambanya sendiri.

Berdasarkan aspek dakwah dan tarbiyah yang dibincangkan, diharap agar kita dapat membaca surah Yusuf dengan menghayati maknanya demi menyampaikan dakwah dan tarbiyah secara berkesan seterusnya memperoleh keredhoan Allah SWT.



**Antara konklusi dalam kajian ini adalah:**

- 1) Kaedah penceritaan merupakan sebuah metode yang sangat penting dan tidak patut dipandang enteng oleh para pendakwah, kerana kisah di dalam al Quran adalah benar.
- 2) Kisah Nabi Yusuf AS mengajar kita agar berwaspada dengan fitnah wanita yang mampu menjerumus kearah kemaksiatan.
- 3) Surah Yusuf diturunkan untuk menguatkan Nabi Muhammad SAW dan memberi semangat kepada Baginda dalam melaksanakan amanah dan bersabar terhadap ujian dan kesusahan yang dihadapi.
- 4) Turunnya surah Yusuf secara keseluruhannya merupakan bukti kenabian Muhammad SAW, kerana Baginda SAW seorang yang buta huruf, tidak pandai membaca atau menulis, namun Baginda memberitahu orang ramai tentang kisah Nabi Yusuf, yang beritanya tidak diketahui oleh orang Arab.
- 5) Sesungguhnya Al-Quran sangat mementingkan gaya penceritaan, ini kerana penceritaan kisah-kisah tersebut memberi impak yang besar kepada amal dan dakwah, pendidikan dan tarbiyah, serta jihad di jalan Allah.



## Cadangan:

- Kajian menyarankan para ulama dan pendakwah untuk memberi lebih perhatian terhadap kisah-kisah al Quran yang mendominasi sepertiga al Quran, kerana masih terdapat banyak perkara yang perlu dikaji dan diekstrak pengajarannya, serta mengaitkannya dengan realiti semasa agar memperoleh manfaat daripadanya.



# ICONISHS 2023

## INTERNATIONAL COMPETITION AND EXHIBITION OF RESEARCH AND INNOVATION ON ISLAMIC STUDIES AND HUMAN SCIENCES



AbdulHamid AbuSulayman Kulliyah of  
Islamic Revealed Knowledge & Human Sciences, IIUM  
Faculty of Islamic Studies, Sultan Azlan Shah University (USAS)

**25th July 2023**

Ref. No: MRK 1

### SURAH YUSUF FROM THE LENS OF DA'WAH AND EDUCATION



#### Keys Perspectives:

- 1) The Power of Stories
- 2) You Don't Need to Share Good Things with Everyone
- 3) Love Our Children Equally
- 4) Joy of Iman is Greater than Any Other Joy
- 5) How "Shirt" Plays Important Roles
- 6) Da'wah Can Be Done Anywhere
- 7) Trust Allah Plan & Patience Have A Beautiful Ending

**TOGETHER, WE LEARN  
QURANIC STORIES  
TOGETHER, WE BENEFITTED  
FROM THE LESSONS**

Presented By:  
Dr. Fatimah Karim &  
Dr. Hassan Suleiman

